

## Inisiatif sukarelawan MSU

Suliati Asri  
suliati@hmetro.com.my



DATUK Wira Dr Mohd Shukri (tengah) menunjukkan antara barang keperluan yang terdapat di dalam kotak sumbangan.

Institusi pengajian tinggi (IPT) mempunyai peranan penting dalam membawa keceriaan dan membantu meringankan beban keluarga B40 yang terkesan dengan keadaan ekonomi hari ini.

Justeru, Management & Science University (MSU) melancarkan inisiatif kesukarelawan 'MSU Community Outreach Week' khusus bagi menyantuni keluarga B40 berkenaan di seluruh negara termasuk di Bangalore, India dan Jakarta, Indonesia.

'Community Outreach Week' membabitkan penyaluran sumbangan barang keperluan asas dan wang tunai membabitkan nilai sumbangan RM50,000 bagi meringankan beban kira-kira 200 keluarga yang terjejas akibat kehilangan sumber pendapatan disebabkan penularan pandemik Covid-19.

Sumbang dalam bentuk 200 kotak bantuan itu diagihkan pada 1 hingga 9 Julai lalu oleh warga MSU sama ada melalui kampus induk di Shah Alam atau kampus satelit MSU di seluruh negara termasuklah kampus pesisir antarabangsa MSU di India dan Indonesia.



**Metro**

WARGA MSU mengagihkan sumbangan kotak bantuan kepada penerima. Hadir pada majlis pelancaran inisiatif itu ialah Presiden MSU Profesor Tan Sri Datuk Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid, barisan pengurusan kanan MSU dan MSU College (MSUC) serta pelajar.

Aktiviti kesukarelawan dan komuniti adalah DNA yang diterapkan dalam kalangan warga MSU khususnya menerusi budaya 2G (Giving and Grateful) dengan kumpulan sasaran terdiri daripada Orang Asli, miskin bandar, alam sekitar, anak-anak yatim serta kesihatan.

Ia juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) khususnya SDG 1: No Poverty, SDG 2: Zero Hunger, SDG 11: Sustainable Cities and Communities serta SDG 17 for Partnerships for the Goals.



WARGA MSU mengagihkan sumbangan kotak bantuan kepada penerima.

Disiarkan pada: Julai 11, 2022 @ 6:30am

---